

20 FEB, 2025

Malaysia pada posisi terbaik lonjak ASEAN jadi kuasa besar, digeruni

Berita Harian, Malaysia



Malaysia pada posisi terbaik lonjak ASEAN jadi kuasa besar, digeruni

• Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN memainkan peranan sebagai teraju untuk mendorong perdagangan dan pelaburan menggunakan kelebihan dalam perbezaan yang ada

• Peranan Malaysia ditagih untuk bertindak sebagai penghubung, selain untuk bekerjasama rapat dengan negara anggota lain ketika rantau ini meneroka laluan baharu



Oleh Adha Ghazali

adha@bh.com.my

Pengarang Berita BH

Selaras dengan dua tahun visi besar itu disuarakan, apakah harapan untuk mengangkat ASEAN sebagai sebuah kuasa hebat dasahut rakan dalam kalangan 10 negara anggota?

Tidak hairanlah beliau memilih negara rakan ASEAN sebagai antara paling awal dikunjungi selepas berpeluang bertemu dengan Perdana Menteri pada November 2022.

Selepas genap dua tahun visi besar itu disuarakan, apakah harapan untuk mengangkat ASEAN sebagai sebuah kuasa hebat dasahut rakan dalam kalangan 10 negara anggota?

Yang pasti 2025 akan menguji Malaysia selaku Pengerusi ASEAN. Bukan sekadar memperkasa kerjasama antara negara anggota, tetapi lebih penting untuk memperkuatkul komuniti dalam kerangka ASEAN demi mendepani cabaran serantau yang semakin kompleks.

ASEAN secara bersama menjadi kuasa ekonomi kelima terbesar dunia melalui 677 juta penduduk dan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjumlah AS\$3.8 trilion (RM17.12 trilion).

Dengan potensi luar biasa dan kedudukan strategiknya yang dilihat penting kepada dunia, tidak hairanlah rantau ASEAN kekal menjadi tumpuan kuasa besar. Lantas, kesepadan dan komitmen bersama 10 negara anggota perlu digembung untuk memastikan potensi ekonomi terus berkembang secara konsisten.

Berbalik kepada visi ASEAN sebagai kuasa besar, satu contoh boleh dilihat dalam konteks menjayakan inisiatif strategik Grid Kuasa ASEAN (APG).

Perlu diakui, tidak ada negara boleh mencapai misi ini secara silo. Justeru, kerjasama kukuh serta kolaborasi merentasi sempadan negara dan juga sektor, cukup penting.

Hal ini kerana APG bukan sekadar berkisar penyambungan sistem tenaga di darat dan dasar laut, malah misi lebih besar untuk menjadikan rantau ASEAN sebagai hab tenaga hijau yang mampu merakik pelaburan antarabangsa.

Maksudnya, komitmen negara anggota perlu digembung secara total untuk menjayakan inisiatif ini, bukannya secara silo.

Sudah tentu Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, khususnya Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menggalas misi besar untuk memastikan APG berjaya dimeterai. Ketika ini, semua negara anggota secara dasarnya sudah

pun menyatakan persetujuan.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Faidillah Yusof ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) ke-42 dan mesyuarat berkaitan yang berlangsung di Vientiane, Laos, September lalu.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air turut menzahirkan komitmen Malaysia untuk menjayakan inisiatif APG bagi mewujudkan satu komuniti tenaga serantau yang saling membantu, sekali gus memperkuatkul semangat ASEAN dan seterusnya meningkatkan daya saing setiap negara anggota dalam menarik pelaburan asing.

Peroleh kepakaran China, Jepun dan Korea
Malah, Faidillah sendiri mengakui ASEAN cukup bertuah kerana China, Jepun dan Korea turut bersatu menyalurkan kepakaran teknikal bagi memperkasa pembangunan sektor tenaga boleh bahan dan tenaga bersih, manakala Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) menyatakan minat untuk melabur dalam pembangunan tenaga hijau di ASEAN.

Bukankah ini bukti potensi besar ASEAN diketahui? Lantas apa lagi alasan untuk menafakir visi untuk melihat kerangka dianggotai 10 negara berjiran ini muncul sebagai kuasa besar dan digeruni?

Sudah tentu, satu daripada syarat penting adalah kesepadan dan kerjasama dalam kalangan keluarga ASEAN. Namun pada masa sama, setiap negara anggota perlu bersedia untuk menggembung kekuatan domestik masing-masing bagi menyokong kekekalan ASEAN secara kolektif, sementara Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN memainkan peranan sebagai teraju untuk mendorong perdagangan dan pelaburan menggunakan kelebihan dalam perbezaan yang ada.

Bukankah ini bukti potensi besar ASEAN diketahui? Lantas apa lagi alasan untuk menafakir visi untuk melihat kerangka dianggotai 10 negara berjiran ini muncul sebagai kuasa besar dan digeruni?

Dalam konteks isu peralihan tenaga, Malaysia sendiri secara peribadi menzahirkan komitmen tidak berbelah bahagi. Ia jelas dilihat melalui beberapa dasar dirangka, antara lain menggariskan strategi untuk mempelbagaikan campuran tenaga, meningkatkan kecekapan tenaga dan memanfaatkan teknologi baharu seperti hidrogen serta pemodenan grid untuk mencapai peralihan tenaga.

Antara dasar berkenaan termasuklah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Dasar Tegara Nasional (NEP), Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP).

Melalui NETR sebagai contoh, Malaysia menysarkan untuk mencapai 21 peratus penjimatatan tenaga menjelang 2040 dan 70 peratus milikan tenaga boleh diperbaharui dalam kapasiti terpasang menjelang 2050. Ia menunjukkan lonjakan ketara daripada tahap semasa dan memerlukan besar anjakan dalam pelaburan kemampanan dan modaliti pembiayaan.

Berbalik kepada APG, melalui integrasi lebih besar sumber tenaga boleh diperbaharui merentasi grid yang saling berhubung, inisiatif merentasi sempadan itu akan membantu mengukuhkan daya tahan dan kebolehpercayaan bekalan kuasa untuk semua negara anggota ASEAN.

Yang jelas, Malaysia berada pada kedudukan cukup baik selaku Pengerusi ASEAN. Di sinilah peranan Malaysia ditagih untuk bertindak sebagai penghubung, selain untuk bekerjasama rapat dengan negara anggota lain ketika rantau ini meneroka laluan baharu.

Tidak sekadar berkisar konteks peralihan tenaga, namun peranan lebih utama adalah untuk memastikan visi melonjak ASEAN sebagai kuasa besar dan digeruni, berjaya dicapai di bawah teraju Malaysia selaku 'ketua' ASEAN.

